

Inovasi “Hajj Pop-up Tour”: Kemahiran dan Pengetahuan yang diperlukan untuk Membangunkannya

Wan Ali Akbar Wan Abdullah^{1*}, Khadijah Abdul Razak¹, Mohd Isa Hamzah¹ & Nursafra Mohd Zhaffar²

¹ Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Kampus Negeri Sembilan Cawangan Rembau

*wanaliakbar.kpm@gmail.com

Received: 7 April 2021

Received in revised form: 30 May 2021

Accepted: 2 June 2021

Published: 1 July 2021

ABSTRAK

Haji adalah tajuk yang wajib difahami oleh setiap individu Muslim kerana ia adalah salah satu rukun Islam. Namun, ketiadaan pengalaman mengerjakannya menyebabkan tajuk ini sukar untuk difahami oleh pelajar. Maka, pelbagai inovasi dengan pelbagai bentuk dalam topik haji dihasilkan. Fokus kajian ini adalah pada inovasi berbentuk buku pop-up iaitu Hajj Pop-up Tour. Keunikan inovasi ini menarik perhatian pengkaji untuk meneroka kemahiran yang digunakan oleh perekanya ketika menghasilkan inovasi ini. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Data dikutip melalui analisis dokumen dan temu bual. Dapatkan menunjukkan terdapat enam kemahiran dan dua pengetahuan digunakan oleh inovator untuk membangunkan inovasi tersebut. Enam kemahiran itu ialah; kemahiran melipat kertas, kemahiran kreatif, kemahiran susun atur grafik, kemahiran ICT, kemahiran melaksanakan kajian tindakan dan kemahiran sosial. Dua pengetahuan tersebut pula adalah pengetahuan tentang ibadat haji dan pengetahuan tentang bahan. Dapatkan kajian ini memberi panduan kepada guru lain yang berhasrat untuk membangunkan inovasi berdasarkan pop-up.

Kata kunci

Inovasi pengajaran, Haji, Buku pop-up

ABSTRACT

Hajj is a topic that must be understood by every Muslim individually because it is one of the pillars of Islam. However, the lack of experience practice on it makes this topic difficult for students to understand. Thus, various innovations with various forms in the topic of Hajj were produced. The focus of this study is on the innovation in the form of a pop-up book which is Hajj Pop-up Tour. The uniqueness of this innovation draws the researcher's attention to explore the skills used by his designer while developing this innovation. This study is a qualitative study using case study method. Data were collected through document analysis and interviews. Findings show there are six skills and two knowledge used by innovators to develop that innovation. The six skills are; paper folding skills, creative skills, graphic layout skills, ICT skills, action research implementation skills and social skills. Meanwhile, the two knowledge is the knowledge about pilgrimage and the knowledge about materials. The findings of this study provide guidance to other teachers who intend to develop pop-up-based innovations.

Keywords

Teaching innovation, Hajj, Pop-up book

Pengenalan


Menunaikan haji adalah salah satu daripada rukun Islam yang lima (Harun Din 2015). Hal ini menjadikan tajuk haji adalah salah satu tajuk yang mesti difahami oleh setiap muslim. Maka, tajuk haji ini dimasukkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah untuk diajar ketika pelajar berada di tingkatan 4 (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2018). Namun, topik haji berbeza dengan topik solat, puasa dan zakat. Hal ini kerana pelajar berpengalaman menunaikan ibadah solat dan puasa sejak dari kecil. Zakat juga boleh dilaksanakan tanpa halangan. Sebaliknya, bagi tajuk haji, umat Islam perlu ke Mekah bagi menunaikannya. Ia tidak boleh dilakukan di mana-mana secara sesuka hati. Keadaan ini memberi kesukaran kepada pelajar untuk memahami sesuatu yang mereka tiada pengalaman melaksanakannya dan kesukaran kepada guru untuk mengajarnya kerana sebahagian

guru juga tiada pengalaman melaksanakannya. Isu ini menyebabkan ramai guru mengambil inisiatif menghasilkan pelbagai inovasi berkaitan dengan haji untuk memberi kefahaman kepada pelajar mengenai kaedah melaksanakan haji, antaranya berbentuk Laman Haji seperti yang terdapat di SMK Bandar Rinching (Ayub 2017), penggunaan grafik seperti Skroll Suci yang dihasilkan oleh Ustaz Wan Ali Akbar Wan Abdullah (Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar 2016, 2018), penggunaan video seperti yang dihasilkan oleh Tabung Haji (“Kursus Asas Haji Bersiri” 2021), berbentuk gamifikasi seperti Pintar Haji yang dihasilkan oleh Ustaz Jasmi Amin (Manirah Othman 2016) dan menggunakan teknologi AR seperti yang sedang diusahakan oleh Dr. Salbiah Salleh dengan kerjasama beberapa pihak lain (Salbiah Mohamed Salleh et al. 2020). Namun, ada satu inovasi haji yang unik dan menarik perhatian pengkaji untuk meneroka secara mendalam mengenai inovasi tersebut. Inovasi yang dimaksudkan adalah Hajj Pop-up Tour yang dihasilkan oleh Ustazah Khairda Kamat daripada SMK Seremban 2 (Khairda Kamat 2018). Hal ini kerana penghasilan laman haji dibangunkan oleh banyak sekolah, manakala penggunaan grafik dan video adalah antara kaedah yang biasa digunakan dalam pengajaran. Gamifikasi dan penggunaan teknologi AR pula adalah teknik dan teknologi masa kini yang sedang diteroka oleh ramai pendidik dan pengkaji dalam bidang inovasi pengajaran. Namun, penggunaan pop-up dalam pendidikan jarang ditemui. Fenomena ini menarik perhatian pengkaji untuk meneroka teknik penggunaan pop-up sebagai salah satu teknik dalam penghasilan inovasi pengajaran dengan menjadikan Hajj Pop-up Tour sebagai bahan untuk diteroka.

Dari sudut kemahiran penghasilan inovasi, telah ada beberapa kajian ditemui yang membincangkan mengenainya. Contohnya, Thurlings et al. (2015) menyenaraikan empat jenis kemahiran yang perlu ada pada guru untuk menghasilkan inovasi pengajaran, iaitu; 1) pembangunan kompetensi spesifik, 2) kepakaran penyelesaian masalah, 3) kemahiran mengenal dan menganalisis peluang, dan 4) ilmu pengetahuan pedagogi kandungan. Namun, kepakaran penyelesaian masalah dan kemahiran mengenal dan menganalisis peluang disatukan oleh Amabile (1988) dan melabelkannya sebagai kemahiran kognitif istimewa. Sebagai tambahan, Amabile (1988) memasukkan kemahiran sosial sebagai salah satu kemahiran yang perlu ada pada seseorang yang kreatif. Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al. (2020) merumuskan kesemua kemahiran ini kepada empat kemahiran yang diperlukan oleh guru untuk menghasilkan inovasi pengajaran, iaitu; 1) kompetensi spesifik, 2) kemahiran kognitif, 3) kemahiran pedagogi kandungan, dan 4) kemahiran sosial. Walau bagaimanapun, rumusan ini diperoleh melalui kajian literatur dan bukannya disusun daripada lapangan. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk merumuskan kemahiran yang diperlukan oleh guru ketika menghasilkan inovasi pengajaran dengan menjadikan Hajj Pop-up Tour sebagai kes.

Hajj Pop-up Tour

Hajj Pop-up Tour adalah inovasi berbentuk buku. Ia bersaiz A4 ketika ditutup dan boleh mencapai 11 kali ganda saiz asalnya apabila dibuka keseluruhannya menjadi satu paparan besar. Ia mengandungi 11 muka surat termasuk muka depan. Ia boleh dibuka satu muka ke satu muka memudahkan ia untuk dirujuk secara individu. Setiap muka surat berbentuk ‘double spread’. Ia turut boleh dibuka keseluruhannya sehingga menjadi satu paparan besar bagi memudahkan aktiviti secara berkumpulan dijalankan.



Rajah 1. Hajj Pop-up Tour dalam keadaan tertutup berbentuk buku

Pop-up bermaksud untuk muncul secara tiba-tiba atau tidak disangka-sangka (“Cambridge Dictionary” 2021). Manakala buku pop-up boleh diertikan sebagai buku yang mengandungi maklumat tertentu yang disampaikan dalam bentuk model 3D dan boleh dilipat menjadi seperti sebuah buku biasa. Penerangan dan demonstrasi lanjut mengenai inovasi ini boleh ditonton di <https://www.youtube.com/watch?v=SoS3mLyvziY>



Rajah 2. Salah satu muka surat daripada Hajj Pop-up Tour yang membentuk model 3D Masjidil Haram apabila dibuka

Oleh kerana inovasi ini dihasilkan khas bagi tajuk haji, maka kandungannya adalah berkenaan dengan tatacara pelaksanaan haji. Kandungan inovasi adalah berkenaan dengan; 1) maksud haji dan umrah, 2) syarat wajib haji dan umrah, 3) rukun haji dan umrah, dan 4) perkara wajib haji dan umrah serta perincian-perincian lain di bawah topik-topik tersebut. Matlamat utama penghasilan inovasi ini adalah untuk membantu pelajar menguasai tatacara pelaksanaan ibadah haji dan umrah.

Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian dijalankan dengan tujuan untuk meneroka kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menghasilkan inovasi Hajj Pop-up Tour. Persoalan kajian ini adalah “apakah kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk membangunkan inovasi seperti Hajj Pop-up Tour?”

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kes sesuai digunakan kerana hanya satu inovasi yang diteliti. Maka kajian ini dinamakan kajian kes tunggal (Creswell 2013). Dalam kes ini, Hajj Pop-up Tour adalah kes spesifik yang dikaji. Inovasi ini dipilih kerana keunikannya. Dari sudut kelayakan, pemilihan Hajj Pop-up Tour adalah kerana ia adalah inovasi yang diiktiraf oleh pelbagai pihak, antaranya; 1) melayakkan perekanya untuk dinobatkan sebagai Johan Anugerah Guru Inovatif Peringkat Kebangsaan 2018, 2) melayakkan inovatornya untuk tersenarai dalam 100 peserta terbaik Kempen Guru PAK21 peringkat KPM, 3) Perbadanan Harta Intelek Malaysia, dan 4) pingat emas dalam Pertandingan Inovasi peringkat Antarabangsa. Data dikutip melalui analisis dokumen dan temu bual. Analisis dokumen dibuat terhadap gambar, rakaman video, artikel prosiding, dokumen Pertandingan Anugerah Guru Inovatif dan video youtube yang dimuat naik oleh inovatornya. Temu bual turut dijalankan terhadap perekanya. Temu bual dijalankan dalam Bahasa Melayu, di sekolah inovator, pada waktu persekolahan dan berlangsung sebanyak empat kali. Tiga kali temu bual dijalankan secara bersemuka dan sekali secara atas talian. Setiap temu bual berlangsung antara 50 minit ke sejam 30 minit. Setiap temu bual direkod secara audio. Gambar dan rakaman video turut dibuat terhadap inovasi Hajj Pop-up Tour.

Dapatan Kajian

Dapatan menunjukkan terdapat enam kemahiran dan dua pengetahuan diperlukan untuk membangunkan inovasi ini. Enam kemahiran itu ialah; kemahiran melipat kertas, kemahiran kreatif, kemahiran susun atur grafik, kemahiran ICT, kemahiran melaksanakan kajian tindakan dan kemahiran sosial. Dua pengetahuan pula adalah pengetahuan tentang ibadat haji dan pengetahuan tentang bahan.

Kemahiran melipat kertas

Melalui analisis dokumen, kemahiran paling penting bagi membangunkan inovasi berdasarkan pop-up adalah kemahiran melipat kertas. Keadaan ini menyebabkan inovator berasa tidak puas belajar melalui panduan dalam talian dan mengambil inisiatif untuk berjumpa dengan jurutera kertas untuk berguru dan meningkatkan kemahiran melipatnya. Jelas inovator:

“Yang Pop-up itu sebab sebelum ini saya buat kad itu. Bila saya tengok ada boleh buat kad benda itu, boleh timbul kan? Asal saya tengok, di Youtube itu ada satu kotak lah, dia boleh buat... Eh, kotak itu macam Kaabah, kan? Banyak kali juga lah saya cuba... Bila saya sudah belajar perkataan ‘Pop-up’ itu, baru saya cari, saya belajar dengan orang-orang yang betul-betul Engineer Pop-up itu... Alonzo tu, memang dia bagi saya... apa? Contoh satu lah. Untuk saya tengok, apply kan macam mana dia boleh kotak tu.”

Kemahiran kreatif

Inovator mengakui bahawa dirinya memiliki kecenderungan untuk berkreativiti sejak dari kecil. Katanya, “*Saya rasa daripada kecil sampai sekarang ni saya memang suka benda kreatif kot.*” Kreativiti inovator terserlah apabila tidak terikat dengan panduan yang diberikan oleh pakar, sebaliknya mengubahsuai panduan tersebut mengikut kesesuaian yang dikehendakinya. Dalam kes Hajj Pop-up Tour, inovator bertindak mengubahsuai kaedah lipatan agar boleh dimanfaatkan dalam pelbagai sudut. Jelas inovator:

Orang yang terror-terror tu dia panggil paper engineer... Dia bagi saya satu buku. Ikut yang ni. Tapi masalahnya saya guna buku dia tu. susah nak bukak sebenarnya. Dia macam banyak sangat lipat terbalik, terbalik. Macam kalau orang lain susah. Tu yang saya fikir idea... Maksudnya yang Encik Alonzo punya idea... Dia lebih kepada buka semua... Kalau macam saya tu, satu-satu buku... Bila buka satu, buka, buka, maknanya individu boleh tengok. Saya modify kat situ lah

Kemahiran susun atur grafik

Kemahiran ini digunakan untuk menyusun paparan Hajj Pop-up Tour dengan menyesuaikan susun atur pop-up dengan maklumat yang perlu ada pada sesuatu muka surat, warna yang digunakan, label, anak panah dan lain-lain.



Rajah 3. Paparan susun atur grafik pada Hajj Pop-up Tour

Selain itu, kelebihan penggunaan pop-up adalah, inovator tidak dibatasi dengan saiz sesuatu paparan, sebaliknya boleh menambah pop-up di tepi paparan utama untuk tujuan tertentu.

Kemahiran ICT

Dalam dokumen Pertandingan Guru Inovatif, inovator menjelaskan bahawa dia menggunakan pelbagai perisian ketika mereka bentuk bahan-bahan untuk pop-up dan paparan atas setiap muka surat inovasi ini. Antara perisian yang digunakan adalah Microsoft Power Point, Word Art dan Adobe Photoshop. Selain itu, inovator turut mahir menggunakan enjin carian bagi mendapatkan gambar berkaitan dengan kualiti gambar yang baik. Jelas inovator, “*Gambar daripada internet saya cantum-cantumkan lah. Jadi nampak macam dia padang pasirlah... (Cantum) dalam Powerpoint... Satu slide. Saya buat macam slide untuk A4, A4, A4, kan. Ha, selepas itu, saya cantum-cantum, jadi lah.*” Selain itu, berdasarkan dokumen Pertandingan Guru Inovatif, inovator turut mengambil inisiatif membuat satu laman berkenaan dengan inovasi ini dalam site Frog VLE bagi membolehkan maklumat mengenai inovasi ini boleh diakses dan disebarluaskan manfaatnya ke seluruh warga KPM.

Kemahiran melaksanakan kajian tindakan

Kemahiran ini digunakan untuk mengenal pasti isu pengajaran dan ujian keboleh gunaan hasil inovasi yang telah dibangunkan. Hal ini dapat dilihat dalam dokumen Pertandingan Guru Inovatif, apabila turut dilampirkan bersama dokumen tersebut kertas kerja kajian tindakan yang dilakukan untuk menguji kemampuan inovasi ini dalam meningkatkan kemahiran penguasaan tatacara ibadah haji di kalangan pelajar tingkatan 4. Melalui kajian tindakan, inovator menjelaskan langkah demi langkah yang dilakukannya, bermula daripada tinjauan masalah, ujian pra dan ujian pos yang dijalankan serta perbandingan keputusan antara ujian pra dan ujian pos untuk menunjukkan kejayaan intervensi Hajj Pop-up Tour dalam membantu pelajarnya memahami topik haji. Selain itu, melalui kajian tindakan yang dijalankan juga, inovator dapat menilai penerimaan pelajar terhadap inovasinya itu. Oleh kerana itu, sejak daripada awal penglibatan dalam inovasi, inovator telah mengambil langkah belajar daripada orang yang berpengalaman melakukan kajian tindakan. Kata inovator, “*Kalau sebelum ni kita memang ada (yang terlibat dengan) kajian tindakan... Ada cikgu seorang macam ni. ERT ke KT... Dia punya kertas kerja dia dibukukan... Saya pun belajar daripada dia juga. Macam mana nak buat kertas kerja. Kajian tindakan.*”

Pengalaman dan kejayaan penghasilan Hajj Pop-up Tour melalui kajian tindakan turut menaikkan tahap keyakinan inovator untuk membimbing guru lain menjalankan kajian tindakan. Jelas inovator, “*Surat daripada PPD dah keluar untuk kajian tindakan inovasi. Sape berminat boleh PM saya. Saya bagi bimbinganlah semua... Boleh tanya-tanya saya. Dan ada beberapa orang cikgu volunteer.*” Inovator turut mendapat kepercayaan pentadbir sekolah untuk mengendalikan Unit Kajian Tindakan sekolah. Kata inovator, “*(Sekolah) lantik saya... AJK Kajian Tindakan Inovasi bawah sekolah kluster.*”

Kemahiran sosial

Kemahiran sosial ditunjukkan dari tujuh sudut. Satu, ketika bertanya pakar konten di fasa awal pembangunan bahan. Dalam dokumen Pertandingan Guru Inovatif, inovator menyatakan bahawa dia meminta pendapat dan rujukan pakar daripada pegawai eksekutif Tabung Haji. Dua, ketika mendapatkan nasihat daripada pakar pop-up ketika berada di fasa memasang salinan demo akhir agar bahan yang disediakan praktikal untuk digunakan (rujuk dokumen Pertandingan Guru Inovatif). Tiga, ketika berhubung dengan rakan guru untuk mendapatkan maklum balas mereka. Kata inovator, “*saya fikirkan idea macam mana saya nak dapatkan respon daripada semua orang. Saya buat pameran.... Siapa nak komen. Komen lah. Saya terima. Saya tulis dalam group (WhatsApp)... Ramai juga komen. Kata warna tak sesuai lah. Itu lah. Ini lah. Macam tu lah saya modify.*”

Empat, ketika mendapatkan pertolongan guru pelatih untuk menjaga reraui pameran inovasi ketika ingin mendapatkan maklum balas guru dan pelajar lain mengenai prototaip yang telah dihasilkan. Jelas inovator, “*Saya buat pameran. Saya buka je depan pejabat tu. Siapa nak komen. Komen lah. Saya terima... Kebetulan time tu guru praktikal ada. Praktikal Pendidikan Islam. Saya minta tolong dia tengokkan.*” Lima, ketika proses ujian hasil inovasi di sekolah lain (rujuk dokumen Pertandingan Guru Inovatif). Enam, ketika mendapatkan bantuan pentadbir sekolah untuk berkongsi kepakaran mengenai kaedah ‘pitching’ di hadapan panel inovasi daripada KPM. Jelas inovator:

Saya memang, bukan confident lah... Pengetua, dia dah buat skrip tau untuk saya... Skrip itu macam ini. “Ustazah, ingat. Untuk pertandingan ini mesti bawa nama. Bawa nama first, nama JPN”, Ha, dia dah susun dah. “Ustazah, tulis sekarang”, Ha, dia maksudnya dia mengajar saya sebab dia selalu juga pergi present-present kan... Maksudnya, dia tahu lah gaya orang KPM ini macam mana kan

Tujuh, ketika mendapatkan pertolongan rakan guru lain mendapatkan keperluan asas kehidupan. Inovator terlalu sibuk dan fokus dengan projek ketika itu. Inovator bercerita, “*Macam Ustazah S... “Akak boleh tak tolong belikan makanan? Saya tinggal nak taip je.” Macam tulah, kan? Dia tolong beli. Takde masalah.*”

Pengetahuan tentang ibadat haji

Inovator mengakui dia tidak berpengalaman ke Mekah, sama ada untuk mengerjakan umrah atau haji. Maka, untuk menghasilkan inovasi ini, dia terpaksa merujuk banyak buku dan membaca travelog pengalaman para hujjah untuk memastikan dia memiliki pengetahuan konten yang cukup, betul dan tepat. Kata inovator:

(Rujuk) buku teks sahaja dengan internet berkaitan dengan Haji saya baca. Jurnal macam apa? Orang-orang yang pergi Haji... Dekat situ, saya faham, “Ohh begitu begitu”, dekat situ juga gambaran dia, “Oh, maknanya dekat Mina, ada khemah, diaorang duduk berhimpit-himpit” ... Dia cerita “Dekat situ, kau kena lah baca Al-Quran”, ha, letak lah gambar Al-Quran. “Banyak-banyak kan lah berdoa”, letak gambar berdoa.

Selain itu, dia turut merujuk Tabung Haji untuk memastikan setiap apa-apa maklumat yang terkandung dalam Hajj Pop-up Tour benar dan menepati tatacara masa kini. Kata inovator:

(Jumpa Tabung Haji untuk) dapat info. Nanti kalau orang tanya, saya tak tahu kan. Sebab kita bukannya orang, tenaga pengajar Haji kan... Apa nama Encik itu? ... Dia bahagian pengurusan Haji. First sekali saya tanya, yang saya buat ini betul ke tidak... dia ajar lah. “Oh, dah lain”, asalnya salah kedudukan dia... Dia ajar saya... Sekarang kita dah tak ada bermalam di Mina. Terus pergi ke Arafah. Baru selepas di Muzdalifah, duduk kat Mina. Dia dah tak ada dah kena pergi sini ke Mina dahulu baru pergi sana. Dia kata pembaharuan yang ini lah...

Dalam dokumen Pertandingan Guru Inovatif, turut tercatat ulasan pegawai Tabung Haji yang dirujuk yang berpuas hati dengan bahan yang disediakan. Namun, dia turut menyatakan sedikit cadangan tambah baik dari sudut “*aturan pergerakan haji yang betul.*”

Pengetahuan tentang bahan

Pelbagai bahan digunakan untuk menghasilkan Hajj Pop-up Tour. Yang paling utama adalah kertas. Berdasarkan dokumen Pertandingan Guru Inovatif, inovator menyatakan bahawa dia memastikan kertas yang sesuai digunakan pada setiap komponen inovasi tersebut. Antara jenis kertas yang digunakan adalah kertas art, ivory, glossy dan matte. Selain itu, inovator turut menggunakan magnet jahitan. Pengetahuan mengenai ilmu jahitan memang telah sedia ada pada inovator sejak dari kecil kerana ibunya adalah seorang tukang jahit. Jelas inovator, “*Mak tukang jahit sampai sekarang... Jadi kalau baju raya memang saya jahit sendiri... Bab menjahit tu memang saya okay lah. Saya boleh. Langsir kat rumah pun saya jahit.*” Berkennaan dengan penggunaan magnet jahitan pada inovasinya, kata inovator:

Button ini lah. Magnet ini kan... Besi ini biasa kita letak guna untuk apa? Handbag... Dia kalau kita katup itu dia ada magnet kan... Kalau baju itu butang untuk magnet macam dia untuk dia ada letak belakang itu dia ada macam kalau tengok kat sini... cangkuk itu kan. Ha, ini sebenarnya daripada jahitan lah sebenarnya benda ini

Perbincangan

Dapatan menunjukkan inovator menggunakan enam kemahiran dan dua pengetahuan ketika menghasilkan Hajj Pop-up Tour. Enam kemahiran itu ialah; kemahiran melipat kertas, kemahiran kreatif, kemahiran susun atur grafik, kemahiran ICT, kemahiran melaksanakan kajian tindakan dan kemahiran sosial. Dua pengetahuan pula adalah pengetahuan tentang ibadat haji dan pengetahuan tentang bahan. Kemahiran melipat kertas, kemahiran susun atur grafik dan kemahiran ICT boleh dikategorikan di bawah pembangunan kompetensi spesifik, manakala pengetahuan mengenai ibadat haji terkandung bawah pengetahuan pedagogi kandungan seperti yang dinyatakan oleh Thurlings et al. (2015). Hal ini kerana pengetahuan kandungan adalah salah satu daripada cabang pengetahuan pedagogi kandungan (Shulman 1986). Kemahiran kreatif dan pengetahuan tentang bahan pula boleh dikategorikan di bawah kemahiran kognitif istimewa seperti yang dicadangkan oleh Amabile (1988). Dalam kes Hajj Pop-up Tour ini, inovator bersifat kritis apabila menganalisis kegunaan setiap bahan yang boleh dimanipulasi ketika penghasilan inovasi tersebut dan kreatif meletakkannya di tempatnya yang sesuai. Kemahiran kreatif dan kritis memang diakui perlu ada untuk menghasilkan sesuatu inovasi (Kim 2017). Dapatan mengenai kemahiran sosial pula mengesahkan teori Amabile (1988) mengenai pengetahuan yang perlu ada pada seseorang individu untuk menghasilkan inovasi.

Dapatan baru daripada kajian ini adalah kemahiran melaksanakan kajian tindakan. Kajian tindakan adalah salah satu metod yang boleh digunakan untuk membantu para guru merancang penghasilan inovasi pengajaran. Prinsip utama kajian tindakan adalah memperbaiki amalan seseorang untuk mengatasi masalah yang dihadapinya (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan 2008). Bagi guru, melalui intervensi yang diusahakan untuk memperbaiki amalan pengajarannya, memungkin sesuatu inovasi pengajaran terhasil. Dalam kes Hajj Pop-up Tour, inovator yang berusaha memperbaiki amalan pengajarannya dalam topik haji telah berjaya menghasilkan inovasi yang berkesan dan diakui keinovatifannya oleh ramai pihak.

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk meneroka kemahiran dan pengetahuan yang digunakan oleh inovator ketika menghasilkan inovasi Hajj Po-up Tour. Dapatan menunjukkan terdapat enam kemahiran dan dua pengetahuan digunakan oleh inovator. Enam kemahiran itu ialah; kemahiran melipat kertas, kemahiran kreatif, kemahiran susun atur grafik, kemahiran ICT, kemahiran melaksanakan kajian tindakan dan kemahiran sosial. Dua pengetahuan tersebut pula adalah pengetahuan tentang ibadat haji dan pengetahuan tentang bahan. Dapatan ini memberi panduan kepada guru lain yang ingin menghasilkan inovasi berbentuk pop-up untuk bersedia dengan kemahiran dan pengetahuan tersebut. Namun, jika tidak mampu hasilkan sendiri, maka kolaborasi juga boleh. Cari rakan yang mempunyai kemahiran tertentu yang mereka ada untuk berkolaborasi bagi menghasilkan inovasi berdasarkan pop-up. Inovasi ini memang menarik, terutama bagi topik-topik yang perlu ditonjolkan model 3D. Antara yang sesuai dalam subjek Pendidikan Islam adalah tajuk sembelihan, kronologi dalam sirah dan seumpamanya. Begitu juga dengan subjek lain seperti anatomi badan dalam subjek Sains, kronologi peristiwa tertentu dalam Sejarah, bentuk muka bumi dalam Geografi dan sebagainya. Apabila ramai guru berinovasi, seperti

yang dinyatakan oleh Serdyukov (2017), eko-sistem inovasi dalam pendidikan akan berjaya menjadi gelombang dan meningkatkan kualiti pengajaran di Malaysia ke arah yang lebih baik.

Rujukan

- Amabile, T. 1988. A Model of Creativity and Innovation in Organizations. *Research in Organizational Behavior* 10: 123–167.
- Ayub, H. 2017, January 7. Laman Haji di Semenyih. *Utusan Malaysia*. Retrieved from <https://www.pendidik2u.my/laman-haji-di-smk-bandar-rinching/>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2018. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. 2008. Buku Manual Kajian Tindakan, hlm. Edisi Ketua. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Cambridge Dictionary. 2021. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/pop-up> [29 April 2021].
- Creswell, J. W. 2013. Qualitative Inquiry & Research Design. Singapore: SAGE Publications.
- Harun Din. 2015. Manusia dan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairda Kamat. 2018. Meningkatkan Kemahiran Penguasaan Tatacara Ibadah Haji dan Umrah Murid Tingkatan 4 dengan Menggunakan Kaedah Hajj Pop-up Card Tour. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Antarabangsa*, hlm. 39–40. Seremban: UiTM Negeri Sembilan.
- Kim, K. H. 2017. The Torrance Tests of Creative Thinking - Figural or Verbal : Which One Should We Use ? *Creativity. Theories – Research - Applications* 4(2): 302–321. doi:10.1515/ctra-2017-0015
- Kursus Asas Haji Bersiri. 2021. <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/haji/maklumat-am/bimbingan> [29 April 2021].
- Manirah Othman. 2016, April 8. Pintar Haji tarik minat pelajar. *Kosmo*, p. 4.
- Salbiah Mohamed Salleh, Ahmad Sahli Mohd Hasan, Norasma Mohamed Salleh, Nur Shaliza Sapiai, Siti Aswani Mohd Ghazali, Nur Hazelen Mat Rusok & Mohd Zafian Mohd Zawawi. 2020. Teknologi Virtual Reality Amali Haji: Satu Inovasi Masa Hadapan. *e-Proceeding 4th International Virtual Conference on Zakat, Waqf and Islamic Philanthropy*, hlm. 62. Shah Alam: UiTM Selangor.
- Serdyukov, P. 2017. Innovation In Education: What Works, What Doesn't , And What To Do About It? *Journal of Research in Innovative Teaching & Learning* 10(1): 4–33. doi:10.1108/JRIT-10-2016-0007
- Shulman, L. S. 1986. Those who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Educational Researcher* 15(2): 4–14.
- Thurlings, M., Evers, A. T. & Vermeulen, M. 2015. Toward a Model of Explaining Teachers' Innovative Behavior: A Literature Review. *Review of Educational Research* 85(3): 430–471. doi:10.3102/0034654314557949
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, Mohd Isa Hamzah & Nursafra Mohd Zhaffar. 2020. Pengetahuan Untuk Menghasilkan Inovasi Pengajaran dalam Kalangan Guru Inovatif Pendidikan Islam. *Asian People Journal* 3(2): 192–201.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar. 2016. Tuntutan, Ciri dan Contoh Ustaz/Ustazah Inovatif. Dlm. Noornajihan Jaafar (pnyt.). *Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam*, hlm. 289–308. Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah & Nursafra Mohd Zhaffar. 2018. Inovasi Pendidikan Islam: Inspirasi dan Transformasi. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM).